



---

## SIARAN MEDIA

### LAWATAN YBTM II KE KILANG PEMPROSESAN SANTAN KELAPA

**Tarikh** : 8 Ogos 2021 (Ahad)  
**Tempat** : Kg. Jelutong, Kalumpang Selangor

8 Ogos 2021, Selangor – Lawatan Kerja YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan ke Kilang Pemprosesan Santan Kelapa di Kg. Jelutong, Kalumpang Selangor. Turut hadir sama, YBhg. Dato' Elias bin Saad, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Industri dan Pengembangan), Jabatan Pertanian Malaysia.

Malaysia merupakan negara ke-6 tertinggi dalam produktiviti pengeluaran kelapa di dunia. Manakala industri kelapa di Malaysia merupakan tanaman utama ke-4 selepas kelapa sawit, getah dan padi. Pada tahun 2019, luas penanaman kelapa di Malaysia adalah 86,466 hektar dengan pengeluaran sebanyak 536 juta biji dengan produktiviti 6,000 biji/hektar dan melibatkan 66,005 orang keluarga tani di Malaysia.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, penggunaan kelapa per kapita bagi rakyat Malaysia adalah 22.70 kg/orang/tahun pada tahun 2019. Manakala Kadar Sara Diri (SSR) kelapa di Malaysia pada tahun 2019 adalah 68.2%. Dianggarkan sebanyak 1.0 bilion kilogram kelapa diperlukan pada tahun 2021 di Malaysia di mana 553 juta kilogram adalah untuk kegunaan segar dan sebanyak 542 juta kilogram bagi menampung keperluan kilang pemprosesan.

Terdapat empat (4) varieti kelapa yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian, iaitu Kelapa MATAG, Kelapa Rendah Merah Malaya (*Malayan Red Dwarf*), Kelapa Rendah Kuning Malaya (*Malayan Yellow Dwarf*), dan Kelapa Pandan. Varieti kelapa ini mampu memberikan produktiviti yang tinggi dengan pengurusan yang baik.

Bagi menggalakkan lebih ramai individu/syarikat untuk menceburi tanaman kelapa, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Pertanian telah menyediakan insentif di bawah RMKe-12 iaitu Program Pembangunan Industri Kelapa. Program ini merangkumi penanaman semula atau baharu, pemulihan ladang kelapa sediada dan program integrasi terutamanya untuk kawasan baharu. Antara insentif yang diberikan adalah input pertanian seperti anak benih kelapa, baja, racun perosak, racun rumpai dan tanaman integrasi (tanaman/ternakan/akuakultur) serta bantuan infrastruktur asas ladang seperti pagar, jalan ladang dan perparitan.

###

Jabatan Pertanian Malaysia  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan  
Tel : 013-421 1600 (Encik Rizal)  
E-mel : [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my)